

Jurnal Ekonomi Malaysia 50(1) 2016 99 - 110
<http://dx.doi.org/10.17576/JEM-2016-5001-08>

Bantuan Kewangan dan Pembangunan Ekonomi di ASEAN: Hipotesis Kuznets (*Financial Aid and Economic Development of ASEAN: Kuznets Hypothesis*)

Fidlizan Muhammad

Azila Abdul Razak

Mohd Yahya Mohd Hussin

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan mengkaji sejauh mana bantuan kewangan luar signifikan kepada pembangunan ekonomi. Empat indikator pembangunan sebagai pengukur bantuan kewangan dianalisis iaitu kadar pertumbuhan ekonomi, indeks pendidikan, indeks jangka hayat dan indeks pembangunan manusia menggunakan kaedah data panel. Tempoh masa kajian bermula dari tahun 2000 hingga tahun 2012 melibatkan 7 buah negara ASEAN. Hasil regresi mendapati bahawa bantuan kewangan signifikan membantu negara-negara ASEAN mencapai matlamat pembangunan. Koefisien negatif bagi pembolehubah kuadratik jumlah bantuan membuktikan bahawa hipotesis U-terbalik bantuan-Kuznets (*Aid-Kuznets inverted U-hypothesis*) berlaku dan bantuan kewangan diterima telah digunakan secara berkesan. Sehubungan itu, dapatan kajian ini memberi implikasi bahawa bantuan kewangan luar adalah penting dalam membantu pembangunan sesebuah negara. Hal ini dicapai melalui perbelanjaan berkesan daripada bantuan kewangan diterima yang dilakukan.

Kata Kunci: Aid-Kuznets; ASEAN; bantuan kewangan; panel; pembangunan; hipotesis U-terbalik

ABSTRACT

This article aims to study the extent of foreign financial aid significance on economic development. Four economic indicators are used to measure the analyzed financial aid, namely the economic growth rate, education index, life expectancy rate and human development index; and this is done through the panel data technique. The period of study is from year 2000 until 2012 involving 7 ASEAN countries. The regression outcome finds that financial aid significantly assists the ASEAN countries to achieve their development goals. Negative coefficient for quadratic variable of total aid proves that Aid-Kuznets inverted U-hypothesis occurs and the received financial aids have been efficiently utilized. In relation to that, the finding of this study implicates that foreign financial aid is crucial in supporting the development of a country. This can only be achieved through efficient expenditure of the received financial aid.

Keywords: Aid-Kuznets; ASEAN; development financial aid; inverted U-hypothesis; panel

PENGENALAN

Negara-negara membangun dan mundur berhadapan dengan isu pembangunan yang mencabar. Antaranya adalah isu kadar pertumbuhan ekonomi yang perlahan dan tahap pendidikan, kesihatan serta sosial yang rendah. Faktor utama yang menyumbang kepada permasalahan ini ialah belanjawan yang tidak mencukupi daripada pihak kerajaan bagi mengatasi kesemua isu ini secara serentak (Lohani 2004). Sehubungan itu, bantuan kewangan luar telah disumbangkan oleh organisasi dunia dan negara-negara maju bagi menyokong negara-negara penerima untuk melaksanakan program ekonomi bagi mencapai matlamat agenda pembangunan milenium. Namun demikian, keberkesanan bantuan kewangan untuk membantu sesebuah negara penerima mencapai matlamat pembangunan mendapat pandangan yang berbeza dalam kalangan pengkaji (Shah et al. 2005). Bagi kumpulan yang menyokong kepentingan saluran ini menjustifikasikan bahawa dana bantuan merupakan

pelengkap kepada belanjawan yang tidak mampu ditampung sepenuhnya oleh sumber dalaman Negara. Kesediaan Negara-negara penerima menerima bantuan ini turut memberikan indikator penting kepada pelabur asing mengenai amalan keterbukaan ekonomi sesebuah Negara. Sebaliknya bagi kumpulan yang berpendapat wujudnya kesan negatif daripada bantuan kewangan terhadap ekonomi Negara adalah dipengaruhi oleh faktor ketidakcekapan atau penyalahgunaan dana bantuan. Dana bantuan yang diuruskan secara tidak efektif memberikan implikasi kepada peningkatan dalam jurang pendapatan yang akan semakin meluas, membantutkan pertumbuhan nilai barangan atau perkhidmatan akibat masalah merentir (*rent seeking*), penggunaan dana bagi pembangunan projek kurang berdaya saing atau kurang berfaedah kepada masyarakat dan Negara, pemindahan teknologi lama serta ketidakcekapan dalam urus tadbir sesebuah kerajaan. Walaupun hubungan bantuan dan ekonomi ini wujud, namun berlaku perselisihan pada bukti empirikal yang menyokong kesahihan hubungan

ini. Permasalahan untuk membuat kesimpulan konkrit ini dikenali sebagai paradok mikro-makro oleh Mosley (1987). Beberapa pengkaji meneliti sebab kepada permasalahan ini. Menariknya, kebanyakan bukti yang ditemui oleh pengkaji berpunca kepada isu analisis (Moreira, 2005). Contohnya, saiz sampel (Synder, 1993), teknik dan spesifikasi model (Rana & Dowling 1988; Fayissa & El-Kaissy 1999) serta pemboleh ubah kajian (Burnside & Dollar 2000).

Perbezaan pandangan ini tidak mengugat negara-negara maju untuk meneruskan penyaluran bantuan kewangan kepada Negara-negara penerima. Bahkan, kumpulan Negara penyumbang dan penerima mengiktiraf keberkesanan bantuan kewangan ini untuk mencapai sasaran matlamat pembangunan (World Bank 1998; Mosley et al. 1987). Pengiktirafan ini sejajar dengan konsep bantuan kewangan yang disalurkan bagi pelbagai tujuan mencakupi tujuan kesihatan, pendidikan, makanan, kemiskinan, komersil dan program perubahan struktur jangka panjang. Corak bantuan yang pelbagai ini menimbulkan persoalan kesahihan penafian keberkesanan hubungan bantuan ini yang disandarkan kepada bantuan bagi tujuan ekonomi semata. Memandangkan jumlah dana yang diguna oleh Negara penerima adalah berbeza-beza mengikut keperluan negara, Gounder (2001) menimbulkan persoalan sejauh mana sudut ini dikaji dalam hubungan tersebut. Pengukuran ekonomi bersifat kewangan semata-mata tidak berupaya menerangkan pembangunan yang dilalui oleh sesebuah Negara (Lucas 1988; Ray 1998). Magnitud perubahan dalam pertumbuhan ekonomi perlu mengambil kira bersama pelbagai faktor seperti politik (Goldsmith 1987; Alberto et al. 1996), polisi ekonomi (Burnside & Dollar 2000; Easterly 2003; Easterly, Levine & Roodman 2004), demokrasi (Heo & Tan 2001) serta gender (Klasen 1999). Sehubungan itu, analisis pencapaian sebenar ekonomi sesebuah negara tidak sekadar bergantung kepada nilai pertumbuhan ekonomi sahaja, bahkan perlu dikaji secara bersama-sama impaknya kepada elemen bukan ekonomi.

Memandangkan wujud perbezaan ahli ekonomi untuk menyokong keberkesanan saluran bantuan kewangan ini terhadap ekonomi dan pembangunan sesebuah negara, maka banyak kajian telah dilaksanakan bagi membuktikan kesahihan dakwaan dan hubungan ini berlaku dalam sesebuah negara. Hal ini tidak dapat dielak memandangkan negara-negara maju atau penderma menyalurkan bantuan kewangan bertujuan untuk membantu sesebuah negara penerima mencapai sasaran pembangunan. Penyaluran jumlah bantuan kewangan kepada sesebuah negara akan semakin berkurangan dengan tercapainya sasaran pertumbuhan dan pembangunan ekonomi (Feyzioglu et al. 1998). Amalan ini menunjukkan wujudnya mekanisme atau penanda aras pencapaian oleh negara-negara penyumbang dalam menentukan tahap kelayakan dan jumlah bantuan yang perlu disalurkan kepada Negara-negara penerima.

Senario ini membuktikan bahawa wujudnya tahap pencapaian pembangunan yang berbeza-beza antara negara penerima bantuan. Dua teori pertumbuhan penting dibincangkan oleh ahli ekonomi bagi menjelaskan kesan berbeza daripada bantuan kewangan terhadap ekonomi sesebuah negara iaitu model Barro (Barro 1991; Barro dan Sala-i-Martin 1997) dan model Fischer-Easterly (Fischer 1991, 1993; Easterly 1999). Kedua-dua model menunjukkan kepentingan persekitaran polisi ekonomi yang baik memainkan peranan dalam menentukan bantuan kewangan yang berkesan terhadap ekonomi negara penerima. Dalam usaha negara-negara penerima mencapai sasaran pertumbuhan ekonomi, penyaluran bantuan daripada negara luar dapat menyokong polisi ekonomi yang dilaksanakan. Memandangkan negara penderma mensasarkan perubahan positif dalam ekonomi negara penerima, model Kuznets (1955) merupakan pendekatan empirikal yang sering digunakan untuk menyokong hubungan ini. Kesan bantuan kewangan terhadap ekonomi negara penerima umumnya menuruti idea Kuznets (1955) yang kini masyhur dikenali sebagai hipotesis U-terbalik Kuznets. Hipotesis ini sejajar dengan teori perubahan ekonomi yang dibincangkan dalam teori Lewis (1954) dan Fei-Ranis (1964) yang mendapati berlakunya fasa-fasa perkembangan dalam ekonomi khususnya melibatkan negara-negara miskin dan membangun. Bagi meningkatkan tahap pertumbuhan ekonomi Negara-negara miskin misalnya, bantuan kewangan luar pada peringkat awal akan disalurkan pada jumlah yang tinggi. Pencapaian ekonomi sesebuah negara yang positif dari masa ke semasa serta mampu dibelanjakan bagi tujuan pembangunan yang pelbagai kemudiannya disusuli dengan pengurangan jumlah bantuan. Perubahan ini membuktikan idea Kuznets dapat digunakan dalam menganalisis kejayaan perubahan struktur ekonomi sesebuah negara. Sehubungan itu, Nath dan Sobhee (2007) mendapati bantuan kewangan berkesan secara signifikan membantu pembangunan ekonomi negara-negara miskin atau membangun, dan tidak berkesan kepada negara-negara yang mempunyai pendapatan yang tinggi.

Kajian ini memfokuskan analisis terhadap kepentingan atau hubungan bantuan kewangan luar terhadap negara-negara ASEAN. Dua sebab diterangkan bagi menyokong pemilihan kelompok negara ASEAN ini. Pertama ialah perubahan dalam struktur ekonomi negara-negara ASEAN khususnya tempoh 20 tahun yang lalu. Pendapatan per kapita negara-negara ASEAN kini telah beralih daripada status pendapatan rendah kepada sederhana rendah serta tinggi. Perubahan status ini berlaku selari dengan pengurangan jumlah bantuan kewangan luar yang disalurkan ke negara ASEAN yang bernilai 3.7 peratus sahaja pada tahun 2012 berbanding 11.4 peratus pada tahun 2000. Rentetan itu, idea Kuznets dapat diaplikasikan bagi menguji kerelevanan pengurangan jumlah bantuan terhadap perubahan struktur ekonomi yang dilalui oleh negara-negara ASEAN. Kedua ialah

bukti empirikal yang tidak menyeluruh mengenai kesan bantuan kewangan terhadap sesebuah negara. Hal ini dijustifikasi kepada tujuan penyaluran bantuan kewangan yang tidak terhad kepada bantuan langsung kepada aktiviti ekonomi. Bantuan kewangan dapat dikategorikan kepada tiga tujuan iaitu ekonomi, sosial dan aspek-aspek lain seperti kecemasan dan makanan. Skop perbincangan kebanyakan pengkaji lepas banyak tertumpu kepada tujuan ekonomi atau kewangan sahaja mencakupi kesan bantuan kewangan kepada pertumbuhan, pendapatan dan simpanan. Manakala, aspek bukan kewangan pula jarang dikaji. Kajian oleh Gani dan Clemes (2003) misalnya menganalisis hubungan bantuan terhadap indeks pembangunan manusia (HDI). Namun demikian, bukti analisis empiriknya bercampur-campur dan tidak menyokong sepenuhnya idea Kuznets.

Sehubungan itu, kerelevanan Kuznets dalam menerangkan tahap pencapaian turut dapat diaplikasikan dalam kajian ini dengan menganalisis hubungan antara bantuan kewangan terhadap ekonomi menggunakan empat pemboleh ubah. Pemboleh ubah yang dipilih dalam kajian ini ialah satu pemboleh ubah ekonomi yang diwakili oleh pertumbuhan ekonomi. Manakala, tiga pemboleh ubah iaitu indeks pendidikan, jangka hayat dan pembangunan manusia pula mewakili pemboleh ubah bukan ekonomi yang kurang diberikan tumpuan sebelum ini.

Melalui kajian ini, dua kepentingan dapat diperoleh. Pertama, perluasan dalam literatur bidang ekonomi pembangunan di mana data kajian ini dianalisis berdasarkan tujuan bantuan. Hal ini sejajar dengan pandangan Skarbek dan Leeson (2009) yang bersetuju bahawa wujud motif bukan ekonomi daripada penyaluran bantuan kewangan kepada sesebuah negara. Bantuan ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan negara-negara penerima untuk mencapai tujuan tertentu seperti membasmi, memberi kesedaran dan meningkatkan keupayaan negara mencapai matlamat pembangunan bukan ekonomi seperti kesihatan, pendidikan, perancangan dan sebagainya. Kedua, bantuan kewangan yang disalurkan kepada tujuan bukan ekonomi merupakan petunjuk

kepada sesebuah Negara untuk menyeimbangkan perbelanjaan Negara bagi tujuan pembangunan yang menyeluruh pada masa hadapan.

Bagi tujuan perbincangan lebih lanjut, kertas ini diorganisasi kepada enam bahagian. Bahagian kedua membincangkan secara ringkas mengenai bantuan kewangan di dunia dan coraknya di ASEAN. Sorotan kajian lepas pula pada bahagian tiga, metodologi dan hasil analisis diterangkan dalam bahagian empat dan lima. Bahagian terakhir pula ialah rumusan dan implikasi dasar daripada dapatan kajian.

BANTUAN KEWANGAN DUNIA DAN CORAK PENGGUNAAN DI ASEAN

Penyaluran bantuan kewangan kepada sesebuah negara adalah bertujuan mengembangkan aktiviti pertumbuhan dan pembangunan ekonomi. Penerimaan dana ini dapat menampung belanjawan sesebuah negara yang kurang mencukupi untuk membiayai aktiviti ekonomi dan sosial tertentu seperti infrastruktur, pendidikan, kesihatan dan sebagainya (Gani & Clemes 2003). Negara yang menerima dana ini dapat melaksanakan pembangunan dalam pelbagai bidang yang dapat memberi faedah berbentuk pendapatan, peluang pendidikan, kualiti kesihatan yang baik dan sebagainya. Hal ini dapat direalisasikan sekiranya kemasukan dana bantuan ini dapat memberi kesan rantaian kepada ekonomi benar melalui peningkatan produktiviti serta perubahan dalam teknologi pengeluaran menerusi pertambahan jumlah pelaburan, tabungan serta penggunaan teknologi dan barang modal (Morrissey 2001)

Tujuan bantuan kewangan luar dapat dikategorikan kepada tiga iaitu tujuan sosial, ekonomi dan lain-lain. Jadual 1 menunjukkan statistik bantuan kewangan yang disalurkan oleh negara-negara penyumbang mengikut tujuan dari tahun 1980 hingga tahun 2012. Dalam tempoh 30 tahun, nilai bantuan kewangan telah berjumlah enam kali ganda berbanding tahun 1980. Secara peratus agihan mengikut sektor pula, peruntukan kepada sektor ekonomi sebelum tahun 1990 lebih tinggi berbanding sebelum

JADUAL 1. Jumlah Bantuan Kewangan Luar Mengikut Sektor (USD juta)

Tahun	Sosial	Ekonomi	Lain	Jumlah
1980	6057.31	10493.94	24502.60	41053.85
1985	11968.76	25810.79	49809.44	87588.99
1990	19164.75	26677.14	77874.35	123716.20
1995	19537.97	22193.17	62944.65	104675.80
2000	20949.56	15887.05	62000.36	98836.97
2005	41553.60	22607.61	122892.90	187054.10
2010	64442.67	43354.65	166830.59	274627.90
2011	69017.80	46546.56	172723.36	288287.70
2012	66793.48	55126.90	178865.79	300786.20

Sumber: OECD.StatExtracts

tahun 1990. Peratus agihan bantuan terhadap sektor ekonomi sebelum tahun 1990 mewakili hampir sepertiga daripada jumlah bantuan. Antara tahun 1990 dan sebelum tahun 2000, jumlah peruntukan sektor ekonomi mewakili seperlima daripada jumlah keseluruhan. Agihan kepada sektor ini selepas dari tahun 2000 hingga 2012 secara purata menyusut kepada 15 peratus daripada jumlah keseluruhan dana bantuan.

Berdasarkan data OECD, nisbah agihan bantuan kewangan luar antara tahun 2002 hingga 2013 dikategorikan kepada enam kawasan sebagaimana Jadual 2. Berdasarkan Jadual 2, lebih 40 peratus jumlah bantuan kewangan luar disalurkan ke negara-negara yang berada dalam kawasan Selatan Sahara. Kebanyakan negara yang berada dalam kawasan ini menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang perlahan serta tahap pembangunan yang rendah. Walaupun negara-negara ini mempunyai sumber alam yang banyak, namun ketiadaan dana negara yang mencukupi membantutkan usaha pembangunan ini. Usaha bagi menarik pelaburan asing juga agar sukar berikutan konflik puak yang berlarutan. Rentetan itu, isu kemiskinan, kesihatan, pendidikan dan infrastruktur diberi tumpuan utama menerusi bantuan yang diterima. Bantuan bagi tujuan ekonomi merupakan aspek yang diyakini oleh kumpulan negara penyumbang sebagai penyelesaian alternatif yang perlu dibangunkan bersama-sama bagi mencapai nilai pertumbuhan ekonomi yang lebih mapan (OECD 2006).

Kawasan Asia Selatan dan Tengah pula merupakan kawasan kedua terbesar yang menerima bantuan

kewangan luar. Selepas daripada kejatuhan republic Soviet dan juga perang Dunia ke-2, ekonomi negara-negara ini menjadi tidak seimbang. Memandangkan potensi ekonomi, kekayaan hasil dan lokasi strategik negara-negara ini yang dihubungkan oleh Laluan Sutera, Jepun muncul sebagai negara penyumbang utama bantuan. Bantuan yang signifikan ini telah mempengaruhi kemunculan baru kuasa ekonomi dunia seperti China, India dan Korea (Rakhimov, 2014). Mutakhir ini, bantuan kewangan bagi menyokong aktiviti ketenteraan daripada pihak Amerika Syarikat lebih banyak diterima oleh rantau ini bertujuan mengatasi masalah terrorism (Nichol 2014). Kelompok ketiga terbesar menerima bantuan kewangan ini ialah negara-negara Timur Tengah dan juga Afrika Utara. Bagi kawasan Asia dan Oceania yang meliputi negara-negara ASEAN bersama-sama pula menerima bantuan tahunan secara purata 10 peratus. Berdasarkan laporan bantuan bagi kawasan Asia, didapati dua negara ASEAN tersenarai dalam kelompok 10 buah negara penerima tertinggi iaitu Myanmar dan Vietnam dengan nilai bantuan sebanyak USD 4 billion (10%) bagi setiap buah negara. Kawasan Eropah pula merupakan kawasan yang paling sedikit menerima bantuan kewangan luar. Lima negara Eropah yang menerima bantuan tertinggi dalam tempoh 2011 hingga 2013 ialah Turki, Serbia Ukraine, Kosovo, Bosnia.

Penerimaan bantuan untuk negara-negara ASEAN khususnya digunakan bagi tujuan pembangunan yang bersesuaian dengan keperluan negara masing-masing. Kedudukan penggunaan bantuan bagi negara ASEAN sehingga kini ditunjukkan dalam Jadual 3.

Merujuk kepada Jadual 3, diperhatikan bahawa kegunaan utama bantuan adalah berbeza-beza antara negara. Bantuan kewangan banyak digunakan bagi tujuan pendidikan oleh negara Malaysia dan Thailand, infrastruktur dan perkhidmatan ekonomi di negara Laos, Vietnam dan Filipina, infrastruktur dan perkhidmatan sosial di Kemboja, bantuan berkaitan hutang di Vietnam dan kegunaan pelbagai di Indonesia. Namun begitu, wujud satu persamaan kegunaan kedua utama bagi kebanyakan negara iaitu tujuan infrastruktur dan kemudahan sosial bagi negara Indonesia, Malaysia, Thailand, Laos dan Vietnam. Bagi negara Filipina, tujuan bantuan kedua didapati cenderung kepada tujuan ekonomi. Keadaan ini membuktikan bahawa peruntukan bantuan kewangan daripada negara luar disalurkan mengikut keperluan sesebuah negara. Sehubungan itu, corak agihan bantuan ini mendorong kepentingan satu kajian yang dapat meneliti keberkesanan bantuan kewangan terhadap pencapaian negara-negara penerima dari sudut elemen bukan kewangan.

Terdapat pelbagai indikator pembangunan sosial dibentuk bagi mengetahui kesan implisit daripada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Namun demikian, perbezaan hasil analisis daripada indeks-indeks ini turut gagal untuk menyatukan perselisihan pandangan antara dua kumpulan ini. Beberapa isu diutarakan

JADUAL 2. Agihan Bantuan Mengikut Kawasan (2002-2013)

Kawasan	Tahun	Peratus (%)
Afrika Selatan (Sahara)	2002-2003	41.2
	2007-2008	41.3
	2012-2013	44.1
Asia Selatan dan Tengah	2002-2003	15.4
	2007-2008	16.3
	2012-2013	20.6
Asia (lain) dan Ocenia	2002-2003	13.8
	2007-2008	9.8
	2012-2013	9.2
Timur Tengah dan Afrika Utara	2002-2003	11.5
	2007-2008	18.9
	2012-2013	11.2
Eropah	2002-2003	8.2
	2007-2008	5.5
	2012-2013	6.7
Amerika Latin dan Carribean	2002-2003	9.9
	2007-2008	8.2
	2012-2013	8.2

Sumber: OECD

JADUAL 3. Corak Penggunaan Bantuan Mengikut Tujuan (2012 hingga 2013)

Tujuan	Negara (peratus, %)							
	Indonesia	Malaysia	Thailand	Kemboja	Laos	Myanmar	Vietnam	Filipina
a) Pendidikan	11.12	44.82	16.89	8.89	13.62	1.65	5.27	5.25
b) Kesihatan dan Populasi	8.55	1.13	7.15	17.19	9.30	2.52	5.13	3.50
c) Infrastruktur Sosial dan Perkhidmatan	21.00	17.81	13.50	33.80	20.12	3.60	14.31	9.17
d) Infrastruktur Ekonomi dan Perkhidmatan	16.15	9.77	4.57	19.26	26.89	8.20	50.00	36.59
e) Pengeluaran	6.14	8.28	5.49	9.80	11.84	4.75	8.52	13.77
f) Sektor Pelbagai	24.20	12.81	7.36	7.88	14.64	3.51	12.22	13.74
g) Bantuan Program	9.88	3.39	1.87	1.84	1.47	31.53	3.67	4.41
h) Bantuan Berkaitan Hutang	0.09					39.51		
i) Bantuan Kemanusiaan	2.57	3.39	41.79	0.85	0.89	4.61	0.35	13.35
j) Pelbagai	0.30	2.00	1.38	0.49	1.22	0.12	0.43	0.20

Sumber: OECD

daripada penggunaan indeks-indeks ini iaitu rumus indeks dan kesesuaian dengan konteks kajian (Hendrick et al. 2011; Sagara & Najam 1998; McGillivray 1991), konsistensi atau ketekalan (Larson & Wilford 1979; Morris 1978) dan kekangan data (Brodsky 1981).

Walaupun kritikan ini mempunyai fakta yang jelas, namun indikator pembangunan sosial diperlukan dan telah dipersetujui oleh ramai penganalisis tentang keupayaan implisitnya untuk memberi maklumat atau penilaian kepada keberkesanan pertumbuhan ekonomi kepada sesebuah negara secara lebih menyeluruh (Steven 2005; Bhalla & Fluitman 1985; Rametsteiner et al. 2011). Indikator-indikator ini diakui memberi sumbangan kepada ramai pihak meliputi pengkaji serta penggubal polisi untuk menambah baik sesuatu dasar pembangunan dan tidak bergantung kepada data ekonomi sahaja.

Rentetan terdapatnya banyak indeks dalam indikator pembangunan, kajian ini memilih bagi mengkaji kesan bantuan kewangan ini kepada tiga indeks iaitu indeks pendidikan (IED), indeks jangka hayat (IJH) dan indeks pembangunan manusia (IPM). Alasan tiga indeks ini dipilih adalah kesediaan data yang mencukupi bagi tempoh analisis negara-negara ASEAN yang dikaji dan kedua ialah menyesuaikan jenis bantuan dengan indeks yang tersedia. Melalui indeks yang dianalisis, objektif bantuan kewangan ke negara-negara ASEAN dapat diketahui hubungan dan kepentingannya. Di samping itu, dapatan ini dapat membuktikan sejauh mana pertumbuhan ekonomi yang diperoleh memberi perubahan terhadap pembangunan sektor bukan ekonomi sebagaimana dinyatakan dalam Teori Kuznets.

KAJIAN LITERATUR

Kepentingan bantuan kewangan daripada kelompok negara maju kepada negara miskin dan sederhana telah

mendapat perhatian ramai pengkaji. Shah et al. (2005) mengkategorikan kumpulan pengkaji ini kepada dua aliran iaitu pro bantuan dan juga anti bantuan. Namun demikian, Gounder (2001) menyimpulkan bahawa perselisihan ini berlaku pada bantuan kewangan bagi tujuan ekonomi sahaja. Hal ini disebabkan perbezaan pandangan yang timbul berdasarkan hasil analisis pembolehubah bagi tujuan ekonomi sahaja. Keadaan ini berbeza dengan kepelbagaian tujuan bantuan kewangan luar sebagaimana diterangkan dalam bahagian terdahulu. Perbezaan ini dapat diringkaskan dalam Jadual 4.

Burnside dan Dollar (2000) yang dikenali sebagai BD yang mengkaji kesan bantuan melibatkan 56 buah negara antara tahun 1970 hingga 1973 telah membuat kesimpulan yang kontroversi mengenai punca ketidakberkesanan bantuan. Menurut BD, impak bantuan yang positif terhadap ekonomi negara penerima memerlukan sokongan polisi ekonomi yang baik. Namun, justifikasi ini tidak dapat diterima oleh ramai pengkaji disebabkan kebanyakan negara yang menerima bantuan kewangan ini berada dalam proses perubahan. Kajian oleh Levy (1988), Serven (2003), Ouattara (2006), Karras (2006) dan Mallik (2008) antaranya di beberapa buah negara Afrika mendapati bantuan ini signifikan terhadap pertumbuhan positif ekonomi. Gani dan Clemes (2003) turut menyatakan bahawa matlamat bantuan adalah untuk memastikan keperluan utama manusia dalam kelompok negara-negara bermasalah seperti makanan, tempat tinggal, pendidikan dan kesihatan dapat disediakan. Sehubungan itu, variasi sokongan terhadap kesan bantuan ini didapati oleh beberapa pengkaji yang mendapati bahawa keputusan analisis turut dipengaruhi bersama-sama oleh amalan dan struktur ekonomi serta tempoh masa data dianalisis (Galor 2009; Barro 2008; Frazer 2006; Rahmah 2001). Oleh yang demikian, analisis mengikut ciri ekonomi yang dimiliki oleh sesebuah atau kelompok negara amat penting dalam memastikan

JADUAL 4. Hasil Analisis Pemboleh Ubah Ekonomi

Pemboleh ubah Ekonomi	Dapatan	
	Positif / Pro bantuan	Negatif/ Anti Bantuan
Pertumbuhan Ekonomi	Papanek (1972), Rana & Dowling (1988), Synder (1993), Fayissa & El-Kaissy (1999), Burnside & Dollar (2000), Gounder (2001), Levy (1988), Ouattara (2006), Karras (2006), Mallik (2008), Chowdhury & Das (2012).	Ekanayake & Chatrna (2008), Pronk (2003), Brautigam & Knack (2004), Griffin & Enos (1970)
Simpanan	Bowles (1987), Hansen & Tarp (2000), Synder (1990)	Khan & Rahim (1993)
Akaun dan pelaburan kerajaan	McGillivray & Ouattara (2005), Feyzioglu et al. (1998), Khan & Hoshino (1992), Otim (1996)	Boone et al. (1994), Franco-Rodriguez (2000) Heller (1975)
Pelaburan	Heller (1975), Rana & Dowling (1998), Easterly (1999)	Papanek (1973), Levy (1988), McGillivray & Ahmed (1994), Kosack & Tobin (2006)

analisis yang dihasilkan bersifat tekal dan sesuai dengan teori dan matlamat bantuan. (Guillaumont & Chauvet 2001; Dalgaard et al. 2004).

Kajian kesan bantuan terhadap indikator bukan ekonomi pula didapati masih sedikit. Terdapat tiga jenis indikator yang diteliti telah dianalisis hubungannya iaitu kemiskinan oleh Bruno et al. (1998), Collier dan Dollar (2001) dan Mosley et al. (2004), kadar kematian kanak-kanak (Boone 1996; Burnside & Dollar 2000; Masud & Yontcheva 2005) dan indeks pembangunan manusia (Gani & Clemes 2003; Gomane et al. 2003). Penemuan pengkaji menerusi indikator ini juga berbeza-beza (Mosley, 1980; Anand & Sen, 2000). Namun, Bandyopdhyay dan Wall (2007) menjelaskan bahawa bukti empirikal yang menyokong sumbangan bantuan kepada perubahan indikator sosial sesebuah negara penerima membuktikan kepentingan penyaluran bantuan ini.

Kajian awal kepentingan bantuan kepada kelompok negara ASEAN dipelopori oleh Dowling dan Hiemenz (1983). Melalui kajian ini, pemboleh ubah pertumbuhan ekonomi, simpanan domestik serta penerimaan pelaburan asing didapati signifikan kepada sesebuah negara yang menerima bantuan kewangan asing. Anh dan Mai (2012) pula mendapati wujud hubungan pengganti antara bantuan dan pelaburan asing terhadap pertumbuhan ekonomi negara ASEAN. Hasil kajian pula berbeza melalui kajian oleh Bruke dan Esfahani (2006) berdasarkan kajian di Thailand, Indonesia dan Filipina dari tahun 1970 hingga tahun 2000 yang mana hubungan antara bantuan kewangan dengan pertumbuhan ekonomi dan simpanan domestik adalah tidak signifikan. Walaupun Bruke dan Esfahani (2006) telah mengkaji kesan bantuan kewangan di negara ASEAN, namun kajian ini terhad kepada pemboleh ubah pertumbuhan ekonomi sahaja. Kajian oleh Fidlizan, Azila dan Mohd Yahya (2015) menggunakan pemboleh ubah bukan ekonomi melibatkan negara ASEAN telah mendapati bantuan kewangan signifikan mempengaruhi indeks-indeks ini. Walaubagaimanapun, analisis kajian berkenaan terhad

kepada menjawab kewujudan hubungan jangka panjang dan pendek antara pemboleh ubah dan tidak mencakupi isu bantuan kewangan yang semakin mengecil diterima terhadap pencapaian pembangunan ekonomi oleh negara-negara ASEAN.

Sehubungan itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan yang baharu dalam literatur ilmu ekonomi pembangunan serta kepentingan bantuan kewangan untuk mencapai tujuan pembangunan yang lebih menyeluruh. Pemilihan negara ASEAN dalam analisis adalah sejajar dengan saranan dan kritikan yang timbul daripada perbezaan pandangan dua kumpulan yang telah dibincangkan. Selain itu, ciri ekonomi, sosial, geografi yang sama dikongsi oleh kebanyakan negara-negara ASEAN dapat mengelakkan masalah interpretasi (Guillaumont & Chauvet 2001; Dalgaard et al. 2004).

KAEDAH KAJIAN

Data tahunan bantuan kewangan kepada tujuh buah negara ASEAN dari tahun 2000 hingga tahun 2012 digunakan bagi tujuan analisis kajian. Sebanyak tiga buah negara anggota ASEAN dikecualikan daripada kajian ini atas faktor tidak menerima bantuan iaitu Brunei dan Singapura. Ketiadaan data yang lengkap melibatkan pemboleh ubah kajian yang diperlukan bagi negara Myanmar menyebabkan negara ini turut tidak dapat dianalisis bersama-sama. Kepentingan bantuan kewangan yang dibelanjakan oleh negara-negara penerima bantuan untuk tujuan pembangunan dianalisis menggunakan empat pemboleh ubah iaitu kadar pertumbuhan ekonomi (EGR), indeks pendidikan (IED), indeks jangka hayat (IJH) dan indeks pembangunan manusia (IPM). Pemilihan empat indikator ini berdasarkan skop kajian lepas dengan banyak kajian menggunakan EGR, manakala kurangnya kajian dilakukan terhadap tujuan saluran bantuan kewangan. Data bagi kajian ini diambil daripada laman sesawang statistik Bank Dunia dan Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD).

Spesifikasi model kajian adalah berdasarkan teori saluran bantuan kewangan Kuznets yang diaplikasi dalam kajian Nath dan Sobhee (2007) dan Sobhee dan Nath (2007). Fungsi kesan bantuan terhadap indikator pembangunan adalah bergantung kepada jumlah bantuan (AID) dan jumlah bantuan kuasa dua (AID²). Sehubungan itu, model analisis dapat ditulis seperti persamaan (1) berikut.

$$Y_{it} = \beta_0 + \beta_1 AID_{it} + \beta_2 AID_{it}^2 + \mu_{it} \quad (1)$$

Di mana *Y* merujuk kepada indikator pembangunan iaitu EGR, IED, IJH dan IPM, *i* = 1, 2, ..., 7 ialah bilangan negara, dan *t* = 2000, 2001, ..., 2012 ialah tahun, manakala AID dan AID² ialah jumlah bantuan dan jumlah kuasa dua bantuan oleh setiap negara. Pemboleh ubah AID diandai mempunyai hubungan positif terhadap pemboleh ubah bersandar, manakala AID² pula mempunyai koefisien negatif. Hubungan ini menunjukkan bahawa hipotesis U-terbalik Kuznets dicapai. Koefisien positif dan negatif ini merupakan petunjuk berlakunya pusingan yang membuktikan bantuan kewangan signifikan membentuk perubahan dalam ekonomi. Formula Taguchi (2012) dan Tam (2008) iaitu, $\exp(-\beta_1/2\beta_2)$ sering diaplikasi bagi menghitung nilai titik ambang. Nilai titik ambang yang dicapai merupakan indikator kejayaan penyaluran bantuan kewangan yang berkesan dalam membantu negara-negara penerima untuk mencapai sasaran matlamat ekonomi. Dalam kajian ini, data bantuan merupakan jumlah bantuan (AID) yang diterima oleh sesebuah negara mengikut tujuan pembangunan dibahagikan kepada jumlah KDNK negara. Data pemboleh ubah kajian meliputi indikator pembangunan dan data bantuan diubah dalam bentuk logaritma asli bagi memudahkan analisis.

Model dalam persamaan (1) dianggap menggunakan kaedah data panel statik yang terdiri daripada model kesan tetap (*fixed effect*) dan kesan rawak (*random effect*). Model kesan tetap menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah penerang dengan pemboleh ubah

bersandar dalam satu kumpulan dengan mengambil kira perbezaan kesan individu bagi setiap unit keratan rentas (negara). Hasil ujian model ialah pintasan setiap unit adalah berbeza, manakala kecerunan adalah sama. Nilai pintasan yang berbeza-beza ini menunjukkan setiap negara mempunyai perbezaan struktur perbelanjaan bantuan kewangan antara satu sama lain untuk mencapai matlamat pembangunan. Manakala, nilai kecerunan yang sama pula menunjukkan kadar tindak balas yang sama bagi semua unit terhadap perubahan yang berlaku. Model dikenali kesan rawak disebabkan model pengujian memasukkan nilai ralat. Rentetan itu, diandaikan bahawa komponen ralat tidak berkolerasi dan tidak berautokolerasi dengan unit keratan iaitu negara dan siri masa. Bagi menentukan model terbaik antara kedua-duanya, ujian Hausman (1978) diaplikasi dengan hipotesis nol ujian ialah model kesan rawak lebih baik berbanding model kesan tetap dan sebaliknya merupakan hipotesis alternatif. Kegagalan hasil ujian menolak hipotesis nol menunjukkan model kesan rawak lebih baik berbanding kesan tetap (Abdul Karim et al. 2013).

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Untuk memilih model yang terbaik bagi empat indikator pembangunan kajian, ujian Hausman telah dijalankan. Keputusan ujian bagi keempat-empat indikator ditunjukkan seperti Jadual 5.

JADUAL 5. Ujian Pemilihan Model

Indikator	Ujian Hausman (Nilai χ^2)	Keputusan
EGR	0.49	RE
IPM	299.44*	FE
IED	50.97*	FE
IJH	13.34*	FE

*, **, *** signifikan pada 1%, 5% dan 10%

JADUAL 6. Ujian Regresi

Model Analisis Pemboleh ubah Bersandar	Kesan Rawak		Kesan Tetap		Kesan Tetap		Kesan Tetap	
	EGR		IPM		IED		IJH	
Pembolehubah bebas	Nilai-t		Nilai-t		Nilai-t		Nilai-t	
Konstan	4.7198	15.83*	0.4626	27.43*	0.4733	39.18*	0.7545	152.70*
AID	0.7260	4.78*	0.0229	3.92*	0.1097	5.95*	0.0282	4.13*
AID ²	-0.0410	-3.49*	-0.0060	-2.38**	-0.0153	-4.70*	-0.0040	-0.58
Titik ambang (USD billion)	70		24.68		36.05		na	
R ²	0.2705		0.4730		0.4281		0.3063	
R ² -adj	0.2539		0.4610		0.4151		0.2906	
Ujian Wald (λ)	32.63*		-		-		-	
Ujian F	-		20.51*		19.92*		73.02*	
Ujian Wooldridge	0.020		2.993		0.008		1.443	
Nilai p	0.8917		0.1344		0.9336		0.2750	

*, **, *** signifikan pada 1%, 5% dan 10%

Berdasarkan Jadual 5, keputusan ujian mendapati model kesan tetap adalah lebih baik bagi kesemua indikator kecuali EGR. Keputusan lengkap hasil ujian mengikut kesesuaian model ditunjukkan dalam Jadual 6.

Berdasarkan Jadual 6, didapati nilai koefisien pemboleh ubah bantuan kewangan (AID) adalah positif dan secara statistiknya signifikan mempengaruhi semua indikator pengukuran pembangunan ekonomi. Bagi pemboleh ubah EGR, peningkatan satu peratus dalam bantuan kewangan mempengaruhi peningkatan kadar pertumbuhan ekonomi negara-negara ASEAN sebanyak 0.73 peratus. Hasil kajian ini menunjukkan penyaluran bantuan kewangan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara-negara ASEAN dari segi peningkatan kemasukan pelaburan asing, pemindahan teknologi dan perluasan hubungan ekonomi antara bangsa negara. Dapatan ini menyokong pandangan Dowling dan Hiemenz (1983) terhadap kepentingan bantuan kewangan luar yang memberi kesan kepada ekonomi sesebuah negara. Keputusan ujian yang sama ditunjukkan oleh tiga indikator lain. Bantuan kewangan menunjukkan hubungan signifikan dengan pemboleh ubah IPM sebanyak 0.02 peratus, 0.11 peratus dalam indeks pendidikan (IED) dan 0.03 peratus dalam indeks kesihatan (IH). Hasil ini selari dengan dapatan kajian oleh Gani dan Clemes (2003) yang mendapati bantuan kewangan positif dan signifikan memberi kesan kepada pendidikan dan kesihatan dalam negara-negara berpendapatan rendah. Nilai perubahan ini membuktikan bantuan kewangan luar penting dalam membantu negara-negara ASEAN untuk melaksana dan mencapai sasaran matlamat pembangunan.

Nilai koefisien AID² dalam ujian ini amat penting untuk membuktikan teori Kuznets melalui saluran bantuan kewangan. Melalui dapatan analisis, teori ini dibuktikan berdasarkan koefisien negatif pemboleh ubah AID² bagi semua model dianalisis dan secara statistiknya adalah signifikan kecuali pemboleh ubah IH. Keputusan ini membuktikan bahawa bantuan kewangan yang disalurkan kepada negara-negara ASEAN menepati teori hipotesis U-terbalik Kuznets. Saluran bantuan kewangan kepada negara-negara ASEAN dibuktikan menyumbang kepada perubahan struktur yang berlaku melibatkan aspek ekonomi dan bukan ekonomi. Dari sudut ekonomi iaitu EGR, bantuan kewangan didapati signifikan merangsang kepada pertumbuhan ekonomi negara ASEAN. Perubahan struktur ini dapat diamati lebih jelas berdasarkan perbandingan status ekonomi yang dicapai oleh negara-negara ASEAN sejak beberapa dekad yang lalu. Melalui Laporan Bank Dunia pada tahun 2012 contohnya, Malaysia, Filipina dan Thailand dikategorikan sebagai kelompok pendapatan sederhana tinggi berbanding pendapatan sederhana pada tahun 1990. Perubahan yang sama ditunjukkan oleh negara Indonesia, Laos, Vietnam dan Kemboja yang menunjukkan peningkatan status pendapatan daripada rendah kepada sederhana rendah. Sehubungan itu, pengurangan jumlah bantuan kewangan

luar pada masa kini adalah relevan membuktikan negara-negara ASEAN kini berkeupayaan untuk membangunkan ekonomi menggunakan sumber dalam negara.

Koefisien AID² bagi dua indikator pembangunan iaitu IPM dan IED juga mengesahkan teori Kuznets dengan bantuan kewangan didapati signifikan membantu negara-negara ASEAN dalam meningkatkan ukuran pembangunan manusia dan sektor pendidikan. Sehubungan itu, pengurangan dalam jumlah bantuan kewangan yang disalurkan kepada negara-negara ASEAN untuk meningkatkan sektor sosial ini juga tidak memberi kesan rentetan pencapaian baik negara ASEAN dalam kedua-dua indeks ini pada masa kini. Perbandingan indeks pendidikan bagi negara-negara ASEAN antara tahun 1990 dan 2012 menunjukkan peningkatan dengan perubahan peratus dalam nilai indeks antara 13 hingga 58 peratus. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa bantuan kewangan tidak terhad membantu negara untuk mencapai pertumbuhan ekonomi sahaja, sebaliknya turut signifikan terhadap elemen pembangunan bukan berbentuk ekonomi. Hal ini turut dipersetujui oleh Feyzioğlu et al. (1998) serta Llavador dan Romer (2001) bahawa bantuan kewangan berkesan meningkatkan pencapaian pertumbuhan ekonomi, bahkan turut membantu dalam pengagihan semula kekayaan yang diperolehi.

Melalui pengiraan nilai titik ambang, didapati pemboleh ubah EGR ialah USD70 billion, manakala USD 24.7 billion dan USD36 billion bagi pemboleh ubah IPM dan EDU. Untuk meneliti sama ada negara-negara dikaji telah mencapai titik ini, perbandingan dengan nilai purata bantuan kewangan antara tahun 2000 hingga 2012 sebagaimana Lampiran 2 digunakan. Bagi indikator ekonomi iaitu EGR, bantuan kepada negara Indonesia dan Vietnam telah mencapai dan melebihi nilai titik ambang. Manakala, negara-negara ASEAN lain khususnya Malaysia dan Thailand adalah kecil. Dalam hal ini, keadaan ekonomi secara perbandingan adalah lebih baik di Malaysia dan Thailand berbanding Indonesia dan Vietnam. Sehubungan itu, penyaluran jumlah bantuan kewangan yang tinggi didapati telah berkesan melonjakkan ekonomi Vietnam dalam tempoh 10 tahun semasa khususnya, manakala Indonesia dan Filipina pula berjaya meningkatkan jumlah pelaburan asing (Asian Development Bank 2016). Analisis titik ambang bagi indikator pendidikan (EDU) pula dicapai oleh kebanyakan negara kecuali Cambodia dan Laos. Menurut Laporan Pendidikan negara-negara ASEAN 2013 (ASEAN 2014), kedua-dua negara ini masih memerlukan penambahbaikan dalam pendidikan berbanding negara ASEAN yang lain. Contohnya, akses kepada pendidikan rendah lebih terbuka kepada kanak-kanak lelaki berbanding perempuan di dua buah negara ini.

Bagi pemboleh ubah indeks kesihatan (IH), walaupun secara statistik tidak dapat membuktikan Teori Kuznets, justifikasi yang dinyatakan oleh Bandyopadhyay dan Wall (2007) amat relevan. Berdasarkan Prestasi Sistem Kesihatan yang dibincangkan oleh Tandon et al. (2003)

untuk mengukur tahap kesihatan negara dunia, didapati beberapa buah negara ASEAN masih lagi ketinggalan. Berdasarkan statistik WHO (Laporan Kesihatan Dunia, 2000), tahap keseluruhan kesihatan di tiga buah negara dikaji pada tahun 1997 iaitu Vietnam dan Kemboja tergolong dalam kelompok 30 buah negara terbawah. Negara Malaysia menduduki kedudukan 49 daripada 191 buah negara, manakala Filipina dan Indonesia pula pada kedudukan 60 dan 92. Penelitian terhadap data perbelanjaan kesihatan per kapita yang merupakan antara indikator dalam ukuran prestasi (data 188 buah negara yang dikeluarkan oleh Bank Dunia) jelas menunjukkan kedudukan dan nilai perbelanjaan per kapita bagi negara-negara ASEAN masih lagi rendah (Rujuk Lampiran 1). Antara tempoh ini, hanya negara Malaysia sahaja menduduki kelompok 100 buah negara, lima buah negara lain kecuali Thailand menduduki kelompok 50 negara terendah. Pencapaian ini membuktikan bahawa bantuan kewangan luar signifikan untuk meningkatkan mutu kesihatan di negara-negara ASEAN.

Berdasarkan dapatan analisis ini, bantuan kewangan luar didapati relevan untuk mencorak perubahan pembangunan dalam negara-negara ASEAN. Walaupun begitu, bagi tujuan pembangunan sektor-sektor tertentu, didapati bantuan kewangan masih kekal relevan. Sehubungan itu, sejauh mana keperluan sesebuah negara untuk menerima bantuan kewangan perlu dinilai secara lebih terperinci. Penilaian kepentingan bantuan yang bergantung kepada aspek ekonomi semata-mata akan menyebabkan matlamat pembangunan tidak dicapai secara menyeluruh.

KESIMPULAN

Bantuan kewangan disalurkan kepada negara-negara penerima dengan tujuan yang berbeza. Namun demikian, perselisihan pandangan dalam kalangan pengkaji tertumpu kepada kesan bantuan bagi tujuan ekonomi, manakala sedikit kajian yang menganalisis kesannya terhadap tujuan bukan ekonomi. Walaubagaimanapun, perbezaan pandangan ini tidak menghalang usaha daripada negara maju untuk terus menyalurkan bantuan kepada negara penerima bagi memastikan perubahan berlaku dan seterusnya mencapai matlamat pembangunan. Dalam senario negara-negara ASEAN, wujud perubahan signifikan dalam aspek ekonomi dan bukan ekonomi sehingga kini. Melalui pendekatan analisis hipotesis U-terbalik Kuznets, kajian ini menganalisis keberkesanan atau kerelevanan bantuan kewangan untuk mencorakkan perubahan pembangunan kepada negara-negara penerima di ASEAN.

Melalui analisis, beberapa dapatan utama diperolehi. Pertama, pembetulan bantuan kewangan signifikan untuk membantu negara-negara membangun bagi mencapai sasaran pembangunan. Keadaan ini dapat dilihat pada keempat-empat indikator ekonomi yang

dianalisis yang secara statistiknya adalah signifikan. Keputusan ini menunjukkan bantuan kewangan adalah penting sebagai sumber kewangan pelengkap untuk meningkatkan keupayaan sesebuah negara melaksana dan mencapai polisi pembangunan. Kedua, negara-negara ASEAN menerima bantuan kewangan yang berkurangan dalam tempoh ini berbanding tempoh sebelumnya. Berdasarkan teori Kuznets, kecenderungan negara-negara penderma untuk menyalurkan bantuan kewangan semakin berkurang dengan peningkatan ekonomi baik oleh sesebuah negara. Ia bertujuan memastikan bantuan kewangan yang diberi berupaya membantu negara untuk mencapai matlamat pembangunan. Keputusan hasil kajian membuktikan bahawa negara-negara ASEAN telah menggunakan saluran bantuan ini dan mencapai sasaran matlamat pembangunan. Ini membuktikan bahawa secara keseluruhan negara-negara ASEAN telah menghampiri atau mencapai tahap piawai pembangunan yang disasarkan oleh ekonomi dunia.

Rentetan itu, bantuan kewangan yang disalurkan kepada negara-negara ASEAN dikaji didapati berkesan untuk mencapai matlamat berbentuk ekonomi dan bukan ekonomi. Impak penerimaan dan penggunaan dana bantuan secara berkesan oleh negara-negara penerima dapat meningkatkan keupayaan negara bagi mendorong perluasan ekonomi dan seterusnya bersaing secara kompetitif dalam pasaran global.

PENGHARGAAN

Geran bagi melaksanakan kajian ini diberikan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC-UPSI), RAGS 2013-0147-106-72.

RUJUKAN

- Abdul Karim, Z., Aziz, N.H. & Said, F.F. 2013. Monetary policy and bank lending channel in Thailand: A panel study. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 47(2): 83-92.
- ASEAN Secretariat. 2014. *ASEAN State of Education Report 2013*. Jakarta: ASEAN Secretariat.
- Asian Development Bank (ADB). 2016. *Asian Development Outlook 2016 Asia's Potential Growth*. Philippines: Asian Development Bank.
- Alberto, A., Ozler, S., Roubini, N. & Phillip, S. 1996. Political instability and economic growth. *Journal of Economic Growth* 1: 189-211.
- Anand, S. & Sen, A. 2000. Human development and economic sustainability. *World Development* 28(12): 2029-2049.
- Anh, Tu Thuy & Mai, Vu Thi Phuong. 2012. On the impacts of ODA on FDI: Does composition of FDI Matter? Evidence from ASEAN countries. *Seco/WTI Academic Cooperation Project. Working Paper Series* 2012/09.
- Bandyopdhyay, S. & Wall, Howard J. 2007. The determinants of aid in the post-cold war era. *Federal Reserve Bank of St. Louis Review* November/December: 533-548.
- Barro, R.J. 1991. Economic growth in a cross section of countries. *The Quarterly Journal of Economics* 106 (2): 407-443.

- Barro, R.J. & Sala-i-Martin, X. 1997. Technological diffusion, convergence, and growth. *Journal of Economic Growth* 2(1): 1-26.
- Barro, R.J. (2008). Inequality and Growth Revisited. ADB Working Paper on Regional Economic Integration No. 11.
- Bhalla, A.S. & Fluitman, A.G. 1985. Science and technology indicators and socio economic development. *World Development* 13(2): 177-190.
- Boone, P. 1996. Politics and effectiveness of foreign aid. *European Economic Review* 40:277-297.
- Bowles, P. 1987. Foreign aid and domestic savings in less developed countries: Some test for causality. *World Development* 15(6): 789-796.
- Brautigam, D.A. & Knack, S. 2004. Foreign aid, institutions and governance in sub-saharan Africa. *Economic Development and Cultural Change* 13: 255-285.
- Brodsky, D.A. 1981. Indicators of development and data availability: The case of the PQLI. *World Development* 9(7): 695-699.
- Bruke, P.J. & Esfahani, F.Z.A. 2006. Aid and growth: A study of South East Asia. *Journal of Asian Economics* 17: 350-362.
- Bruno, M., Ravallion, M. & Squire, L. 1998. Equity and growth in developing countries: Old and new perspectives on the policy issue. In *Income Distribution and High Quality Growth*, edited by V. Tanzi & K. Chu. Cambridge: Mass. MIT Press.
- Burnside, C. & Dollar, D. 2000. Aid, policies and growth. *American Economic Review* 90: 847-868.
- Chowdhury, M. & Das, A. 2012. Growth nexus in South Asia: Evidence from time series and panel cointegration. *Research in Applied Economics* 3(1): 1-19.
- Collier, P. & Dollar, D. 2001. Aid allocation and poverty reduction. *European Economic Review* 46: 1475-1500.
- Dalgaard, C., Hansen, H. & Tarp, F. 2004. On the empirics of foreign aid and growth. *Economic Journal* 114 (496): F191-F216.
- Dowling, J.M. & Hiemenz, U. 1983. Aid, savings, and growth in the Asian region. *The Developing Economies* 21(1): 1-13.
- Easterly, W. 1999. The Ghost of Financing Gap: Testing the growth model used in the international financial institutions. *Journal of Development Economics* 60(2): 423-438.
- Easterly, W. 2003. Can foreign aid buy growth? *Journal of Economic Perspectives* 17: 23-48.
- Easterly, W., Levine, R. & Roodman, D. 2004. Aid, policies and growth: Comment. *American Economic Review* 94(3): 774-780.
- Ekanayake, E.M. & Chatrna, D. 2008. The effect of foreign aid and economic growth in developing countries. *Journal of International Business and Cultural Studies*: 1-13.
- Fayissa, B. & El-Kaissy, M.I. 1999. Foreign aid and economic growth of developing countries (LDCs): Further evidence. *Studies in Comparative International Development (SCID)* 34: 37-50.
- Fei, John C.H. & Ranis, G. 1964. *Development of the Labor Surplus Economy: Theory and Policy*. Homewood, Illinois: Homewood, Illinois: Richard D.Irwin for the Economic Growth Center, Yale University.
- Feyzioglu, T., Swaroop, V. & Zhu, M. 1998. A panel data analysis of the fungibility of foreign aid. *The World Bank Economic Review* 12: 29-58.
- Fischer, S. 1991. Macroeconomics, development, and growth. *NBER Macroeconomics Annual*: 329-364.
- Fischer, S. 1993. The role of macroeconomics factors in growth. *Journal of Monetary Economics* 32: 485-512.
- Frazer, G. 2006. Inequality and development across and within countries. *World Development Report* 34(9) : 1459-1481.
- Rahmah, I. 2001. Pembangunan ekonomi, agihan pendapatan dan hipotesis u-terbalik kuznets: Penilaian semula. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 9 (11):11-19.
- Galor, O. 2009. Inequality and economic development: An overview. *Working Papers* 2009-3, Brown University, Department of Economics
- Gani, A. & Clemes, M.D. 2003. Aid type and its relationship with human well being. *International Journal of Social Economics* 30(6): 666-678.
- Goldsmith, A.A. 1987. Does political stability hinder economic development? Mancur Olson's Theory and the third world. *Comparative Politics* 19 (4): 471-480.
- Gomanee, K., Girma, S. & Morrissey, O. 2003. Searching for Aid Threshold Effects: Aid, growth and the welfare of the poor. *CREDIT Research Paper 02/05*. Centre for Research in Economic Development and International Trade. Nottingham: University of Nottingham.
- Gounder, R. 2001. An empirical investigation of development assistance and growth for the case of Fiji. *International Journal of Social Economics* 28(3): 278-294.
- Guillaumont, P. & Chauvet, L. 2001. Aid and performance: A reassessment. *Journal of Development Studies* 12:375-398.
- Griffin, K.B. & Enos, J.L. 1970. Foreign assistance: Objectives and consequences. *Economic Development and Cultural Change* 18(3):313-327.
- Fidlizan, M., Azila, AR & Mohd Yahya, M.H. 2015. Kesan bantuan kewangan luar terhadap indikator pembangunan di ASEAN: Analisis Panel. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 49(1): 61-70.
- Franco-Rodriguez, S. 2000. Recent advances in fiscal response models with an application to Costa Rica. *Journal of International Development* 12(3): 429-442.
- Hansen, H. & Tarp, F. 2000. Aid effectiveness disputed. *Journal of International Development* 12:375-398.
- Hausman, J. 1978. Specification tests in econometrics. *Econometrica* 46:1251-1271.
- Heller, P.S. 1975. A model of public fiscal behaviour in developing countries: Aid, investment and taxation. *American Economic Review* 65: 429-445.
- Hendrick, W., Howard, C. & Maximilian A. 2011. Classification, detection and consequences of data error: Evidence from the human development index. *Economic Journal* 121 (553): 843-870.
- Heo, U. & Tan, Alexander C. 2001. Democracy and economic growth: A causal relationship. *Comparative Politics*, 33(4):463-473.
- Karras, G. 2006. Foreign aid and long run economic growth: Empirical evidence for a panel of developing countries. *Journal of International Development* 18(7): 15-28.
- Khan, N.Z. & Rahim, E. 1993. Foreign aid, domestic saving and economic growth (Pakistan:1960-1988). *Pakistan Development Review* 32(4):1157-1167.
- Khan, H.A., & Hoshino, E. 1992. Impact of foreign aid on the fiscal behavior of LDC governments. *World Development* 20: 1481-1488.
- Klasen, S. 1999. Does gender inequality reduce growth and development? Evidence from cross country regressions, policy research report on gender and development. *Working Paper Series* No. 7. The World Bank.

- Kosack, S. & Tobin, J. 2006. Funding self-sustaining development: The role of aid, FDI and government in economic success. *International Organization* 60(1): 205-243.
- Kuznets, S. 1955. Economic growth and income inequality. *American Economic Review* 45: 67-98.
- Larson, D.A. & Wilford, W.T. 1979. The physical quality of life index: A useful social indicator? *World Development* 7(6): 581-584.
- Levy, V. 1988. Aid and growth in sub-saharan Africa: The recent experience. *European Economic Review* 32:1777-1795.
- Lewis, W.A. 1954. Economic development with unlimited supplies of labour. *The Manchester School* 22(2): 139-191.
- Llavador, H.G. & Roamer, J.E. 2001. An equal opportunity approach to the allocation of international aid. *Journal of Development Economics* 64: 147-171.
- Lohani, S. 2004. Effect of foreign aid on development: Does more money bring development? *The Park Place Economist* 12: 110-119.
- Lucas, Robert E. Jr. 1988. On the mechanics of economics development. *Journal of Monetary Economics* 22: 3-42.
- Mallik, G. 2008. Foreign Aid and Economic Growth: A cointegration analysis of the six poorest african countries. *Economic Analysis & Policy* 38(2): 251-260.
- Masud, N. & Yontcheva, B. 2005. Does foreign aid reduce poverty? Empirical evidence from non governmental and bilateral aid. *Working Paper 05/100*. Washington: IMF.
- McGillivray, M. 1991. The human development index: Yet another redundant composite development indicator? *World Development* 19 (10): 1461-1468.
- McGillivray, M. & Ahmed, A. 1994. Aid, savings and investment re-explored: The cases of Bangladesh, India, Nepal, Pakistan and Sri Lanka. *Asian Economic Review* 36 (3): 737-746.
- McGillivray, M. & Ouattara, B. 2005. Aid, debt burden and government fiscal behaviour in Côte d'Ivoire. *Journal of African Economies* 14(2): 247-269.
- Moreira, S.B. 2005. Evaluating the impact of foreign aid on economic growth: A cross-country study. *Journal of Economic Development* 25(30): 25-48.
- Morris, D.M. 1978. A physical quality of life index. *Urban Ecology* 3(3): 225-240.
- Morrissey, O. 2001. Does aid increase growth? *Progress in Development Studies* 1(1): 37-50.
- Mosley, P. 1980. Aid, savings and growth revisited. *Oxford Bulletin of Economic and Statistics* 42(1): 79-95.
- _____. 1987. *Overseas Aid: Its Defence and Reform*. Brighton: Wheatsheaf.
- Mosley, P., Hudson, J. & Horell, S. 1987. Aid, the public sector and the market in less developed countries. *Economic Journal* 97(1): 616-641.
- Mosley, P., Hudson, J. & Verschoor, A. 2004. Aid, poverty reduction and the 'new conditionality'. *The Economic Journal* 114(6): 217-243.
- Nath, S. & Sobhee, K.S. 2007. Aid motivation and donor behavior. *American Review of Political Economy* 5(1): 1-13.
- Nichol, J. 2014. Central Asia: Regional developments and implications for U.S. CRS Report 7-5700.
- OECD. 2006. Aid effectiveness: Three good reasons why the Paris Declaration will make a difference, in *Development Co-operation Report Volume 7, No. 1 2005: Efforts and Policies of the Members of the Development Assistance Committee*. OECD Publishing
- _____. 2015. *Geographical Distribution of Financial Flows to Developing Countries 2015: Disbursements, Commitments, Country Indicators*. Paris: OECD Publishing. http://www.oecd-ilibrary.org/development/geographical-distribution-of-financial-flows-to-developing-countries-2015_fin_flows_dev-2015-en-fr
- Otim, S. 1996. Foreign aid and government fiscal behavior in low-income South Asian countries. *Applied Economics* 28: 927-930.
- Ouattara, B. 2006. Foreign aid and government fiscal behavior in developing countries: Panel data evidence. *Economic Modelling* 23: 506-514.
- Papanek, G.F. 1972. The effect of aid and other resource transfer on savings and growth in less developed countries. *The Economic Journal* 82: 934-950.
- _____. 1997. Aid, foreign private investment, savings, and growth in less developed countries. *The Journal of Political Economy* 81: 120-130.
- Pronk, J. 2003. Aid as a catalyst: A rejoinder. *Development and Change* 34(3): 383-400.
- Rakhimov, M. 2014. Central Asia and Japan: Bilateral and multilateral relations. *Journal of Eurasian Studies* 5: 77-87.
- Rametsteiner, E., Pulzl, H., Alkan-Olsson, J. & Frederiksen, P. 2011. Sustainability Indicator development—science or political negotiation?. *Ecological Indicators* 11(1): 61-70.
- Rana, P.B. & Dowling, J.M. 1998. The impact of foreign capital on growth: Evidence from Asian developing countries. *The Developing Economics* XXVI(1): 3-11.
- Ray, D. 1998. *Development Economics*. New Jersey: Princeton University Press.
- Sagara, A.D. & Najam, A. 1998. The human development index: A critical review. *Ecological Economics* 25(3): 249-264.
- Serven, L. 2003. Real exchange rate uncertainty and private investment in LDCs. *Review of Economics and Statistics* 85: 212-218.
- Shah, S.A.H., Ahmad, I. & Zahid, M.S. 2005. Is foreign aid necessary for the economic development of less developed countries with special reference to Pakistan. *IPRI Journal* 5(2): 1-27.
- Skarbek, D.B. & Leeson, P.T. 2009. What can aid do?. *Cato Journal* 29 (3): 391-97.
- Synder, D.W. 1993. Donor bias towards small countries: an overlooked factor in the analysis of foreign aid and economic growth. *Applied Economics* 25: 481-488.
- Sobhee, S.K. & Nath, S. 2007. Growth, income inequality and aid giving: looking for an Aid-Kuznets Curve. *Review irof Applied Economics* 3(1-2): 157-167.
- Steven, C. 2005. Measuring sustainable development, *Statistics Brief OECD*. No. 10.
- Synder, D.W. 1990. Foreign aid and domestic savings: A spurious correlation. *Economic Development and Cultural Change* 39(1): 175-181.
- Tandon, A., Murray, Christopher JL, Lauer, J.A. & Evans, D.B. 2003. Measuring overall health system performance for 191 countries. WHO global programme on evidence for health *Policy Discussion Paper* Series no. 30. Geneva: World Health Organization

- Taguchi, H. 2012. The environmental Kuznets Curve in ASIA: The case of sulphur and carbon emissions. *Asia-Pacific Development Journal* 19 (2): 77-92.
- Tam, H. 2008. An economic or political Kuznets Curve? *Public Choice* 134 (3-4): 367-389.
- United Nations. 2012. *World Economic Situation and Prospects 2012*. New York: United Nations. http://www.un.org/en/development/desa/policy/wesp/wesp_current/2012wesp.pdf
- United Nations Development Programme. 1990. *Human Development Report 1990*. http://hdr.undp.org/sites/default/files/reports/219/hdr_1990_en_complete_nostats.pdf.
- World Bank. 1998. *Assesing Aid: What Works, What Doesn't and Why*. New York: Oxford University Press.
- World Health Organization (WHO). 2000. *The World Health Report 2000. Health Systems: Improving Performance*. Switzerland: World Health Organization. <http://www.who.int/whr/2000/en/>
- Azila Abdul Razak
Jabatan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim
Perak, MALAYSIA
azila@fpe.upsi.edu.my
- Mohd Yahya Mohd Hussin
Jabatan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim
Perak, MALAYSIA
yahya@fpe.upsi.edu.my

*email koresponden

Fidlizan Muhammad*
Jabatan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim
Perak, MALAYSIA
fidlizan@fpe.upsi.edu.my

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1. Kedudukan dan Perbelanjaan Kesihatan per Kapita Negara-negara ASEAN

Negara / Tahun	2012		2005	
	Rank*	Perbelanjaan Per kapita (USD)	Rank*	Perbelanjaan Per kapita (USD)
Malaysia	86	409	98	179
Thailand	117	215	117	95
Filipina	134	118	140	47
Inodnesia	137	107	148	35
Vietnam	140	102	147	36
Kemboja	159	51	152	32
Laos	167	40	170	20

*susunan adalah berdasarkan nilai perbelanjaan per kapita
Sumber: World Bank.

LAMPIRAN 2. Purata Jumlah Bantuan Kewangan dari tahun 2000-2012 (USD Billion)

	Cambodia	Filipina	Indonesia	Laos	Malaysia	Thailand	Vietnam
Pendidikan	32.9	66.9	221.6	29.1	37.7	38.1	134.6
Ekonomi	60.3	41.04	117.22	35.1	10.7	10.1	240.1
Sosial	23.6	24.4	73.7	9.1	23.3	10.2	57.7